

## **Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik**

*Nurul Ain Hamsari<sup>1</sup> & Azizi Yahaya<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

---

**ABSTRAK :** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Seramai 291 orang pelajar di lapan buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor telah dipilih secara rawak berkelompok. Kajian rintis dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan dan kesesuaian soal selidik. Manakala Alpha Cronbach digunakan untuk mengukur ketekalan dalaman soal selidik. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan soal selidik ini ialah 0.948. Soal selidik berkaitan aspek motivasi pembelajaran dan sikap pelajar dibina sendiri dan diubahsuai berpandukan instrumen yang digunakan oleh penyelidik terdahulu dalam kajian-kajian lepas dan pendekatan psikologi bagi menyediakan pelbagai jenis soalan berdasarkan objektif kajian. Statistik deskriptif iaitu min, frekuensi, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik serta tahap pencapaian akademik pelajar. Manakala statistik inferensi iaitu analisis korelasi Pearson digunakan pada aras signifikan 0.05 bagi mengetahui hubungan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, ujian-t juga digunakan untuk mengetahui perbezaan signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal. Hasil kajian mendapati bahawa faktor matlamat merupakan faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik, manakala faktor gred merupakan faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik. Analisis korelasi Pearson mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan dalam kajian ini dalam usaha untuk meningkatkan motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

**Kata kunci :** *Peranan, Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan, Sikap & Pencapaian Akademik*

**ABSTRACT :** The purpose of this research is to determine the relationship between learning motivation, parenting styles and attitudes of students with academic achievement. The sample of this research were chosen stratified randomly from 291 fourth formers from eight secondary schools in Kulai district, Johor. The pilot study was done in order to determine the reliability and suitability of the questionnaires. Meanwhile Cronbach Alpha was used to determine the internal consistency of the questionnaires. The reliability value of Cronbach Alpha for the whole set of questionnaires used was 0.948. The questionnaires for learning motivation and attitudes of students were created and modified based on the instrument that had been used by the other researchers in the previous studies and psychological approached in order to prepare many level of questions based on the objectives of the research. Data analysis was done descriptively by using the means, frequencies, percentages and standard deviations in order to analyze the dominant factors in intrinsic motivation and extrinsic motivation and level of students' academic achievement. Meanwhile the inferential statistical such as Pearson correlations were used at the significant level 0.05 in order to determine the relationship between learning motivation, parenting styles and attitudes of students with academic achievement. Other than that, t-test was also used to determine the significant

difference between learning motivation, parenting styles and attitudes of students according to their home location. Research results showed that the aim factor was the dominant factor in intrinsic motivation, meanwhile the grade factor was the dominant factor in extrinsic motivation. Pearson correlations analysis showed no significant relationship between learning motivation, parenting styles and attitudes of students with academic achievement. Therefore, the research suggested that efforts have to be done in improving the learning motivation and academic achievement among the students.

**Keywords :** *Roles, Learning Motivation, Parenting Style, Attitudes & Academic Achievement*

---

## **1.0 PENGENALAN**

Robiah (1998), mendefinisikan pendidikan sebagai interaksi antara individu dengan kumpulan-kumpulan sosial tertentu. Tujuan interaksi ini adalah untuk perkembangan individu dan seterusnya perkembangan masyarakat atau negara. Dalam konteks di atas, pendidikan diertikan sebagai suatu proses, sosialisasi atau pemasyarakatan dalam jargon atau istilah sosiologi. Rentetan itu, Amla dan Puteh (1992), mengemukakan fungsi sesebuah integrasi pendidikan adalah untuk menyumbang sepenuhnya kepada integrasi budaya pelajar.

Mustafa (1997), juga menjelaskan bahawa pembinaan dan pembentukan ummah bermula daripada institusi kekeluargaan. Hal ini bertitik tolak daripada hakikat, rumahtangga adalah institusi terawal dan terpenting yang bertanggungjawab membentuk peribadi individu sama ada dari segi aqidah, syara' atau akhlak. Hal ini disebabkan oleh keluarga merupakan unit asas sesebuah masyarakat dan disusun atur sehingga beroperasi sebagai sebuah masyarakat kecil (Azmi Shah, 1996). Abdullah (1988), pula berpendapat institusi kekeluargaan dapat dibentuk dengan sempurna dengan kerjasama yang erat antara suami dan isteri. Hal ini kerana pendidikan adalah penting untuk kesinambungan generasi yang akan datang.

Walaupun begitu, proses pembinaan sikap seseorang individu terdiri daripada empat unsur dasar iaitu membina akidah (kepercayaan), ibadah (ritual), akhlak (etika dan moral) dan penampilan (mazhar). Mohd Ismail (2005), menerangkan proses mengembangkan sahsiah insan cemerlang terdiri daripada proses perkembangan hamba Allah yang cemerlang, diikuti proses perkembangan anak cemerlang dan seterusnya proses perkembangan individu cemerlang. Atan (1982), pula mendapati sikap seseorang itu bermula daripada keadaan yang tekal dan stabil.

Motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan (Pokay dan Blumenfeld, 1990). Menurut Habibah (1983), motif timbul daripada dorongan semula jadi atau minat yang diperolehi daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku.

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Motivasi mempengaruhi bidang pertumbuhan, perkembangan, pembelajaran dan pencapaian manusia. Menurut Saniah et al. (2000), para guru pada dasarnya bersetuju bahawa semua jenis tingkah laku adalah disebabkan oleh motivasi. Pelajar yang dianggap kurang bermotivasi adalah pelajar yang kurang bermotivasi untuk membuat sesuatu yang dijangkakan oleh guru. Kaedah nasihat, berbual-bual dan berdamping dengan pelajar merupakan langkah

yang sesuai bagi membolehkan guru meningkatkan motivasi pelajar-pelajarnya. Hal ini kerana memotivasikan diri sendiri adalah tenaga yang mengangkat diri seseorang itu ke tahap yang diingini (Azizi et al., 2005).

Esa (2003), merumuskan bahawa terdapat beberapa sebab seseorang pelajar itu tidak bermotivasi. Antaranya adalah kabur matlamat, kabur potensi diri, kabur amanah diri, kabur perancangan dan pengurusan diri, kabur coping skills, kabur pemilihan keutamaan, kabur pemilihan persekitaran dan kabur pemilihan rakan sebaya. Kelapan-lapan faktor kekaburan ini menjadikan pelajar tidak bermatlamat walaupun mereka masih lagi berkeupayaan untuk mencipta kejayaan di sekolah. Hal ini kerana menurut Esa (2003) lagi, beliau menyatakan cara seseorang itu berfikir terhadap peristiwa yang menimpanya adalah berdasarkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi cara berperasaan, bertindak laku dan pengamalan sikap tertentu.

Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak menyebabkan ibu bapa tidak dapat memahami dikatakan mempunyai perkaitan dengan peningkatan kes juvana seperti mencuri, lari dari rumah dan bergaduh. Hal ini kerana pertambahan kes bagi tingkah laku delinkuen berpunca daripada sikap ibu bapa yang kurang prihatin dalam mengawasi anak-anak, kurang menghabiskan masa bersama, tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak, kawan-kawan dan aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka di luar rumah. Menurut kajian yang dibuat oleh Fadilah dan Hamidah (2006), sebanyak 617 pesalah laku yang terdiri daripada remaja di bawah umur 18 tahun terlibat dengan kes juvana di negeri Johor. Statistik ini memberi gambaran bahawa masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja kini berpunca daripada kegagalan ibu bapa dalam memainkan peranan yang baik dalam membina nilai-nilai moral kepada anak-anak mereka.

Oleh yang demikian, pencapaian akademik para pelajar pada dasarnya bukan hanya bergantung kepada bagaimana proses pengajaran di dalam bilik darjah dilakukan, malahan juga ia bergantung kepada bagaimana proses keperibadian individu itu terbentuk dan aspek kekeluargaan diterapkan yang seterusnya mempengaruhi motivasi pembelajaran pelajar itu sendiri (Amy, 2000). Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji hubungan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap pelajar dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Konteks kajian ini juga akan meliputi status sosio ekonomi khususnya pendapatan yang diperolehi ibu bapa dalam tempoh sebulan dan lokasi tempat tinggal pelajar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Menurut Marden (2006), persekitaran dan kekeluargaan merupakan aspek penting dalam penentuan cita-cita dan pencapaian seseorang individu. Esa (2003), mendapati suatu cita-cita itu hendaklah boleh diukur pencapaiannya dan mampu dicapai berdasarkan personaliti, minat, sikap dan sahsiah yang dimiliki oleh individu tersebut. Maka, aspek motivasi pembelajaran dan gaya asuhan atau gaya keibubapaan yang diterapkan semasa di rumah boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik seseorang pelajar itu di sekolah.

Di samping itu, aspek kekeluargaan terutamanya gaya keibubapaan merupakan perkara utama yang perlu diamalkan dalam sesebuah institusi keluarga. Azizi dan Jaafar Sidek (2006), mengelaskan empat gaya keibubapaan iaitu autoritatif, autoritarian, permisif-responsif dan permisif-mengabaikan. Walau bagaimanapun, gaya keibubapaan yang manakah diamalkan oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak dalam pelajaran? Hal ini kerana sikap ibu bapa yang positif terhadap pendidikan anak-anak serta galakan yang diberikan terhadap pembelajaran akan meningkatkan lagi pencapaian akademik mereka.

### 1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengetahui faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik seperti matlamat, minat dan usaha di kalangan pelajar sekolah.
- ii. Mengetahui faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik seperti ganjaran, pujian dan gred di kalangan pelajar sekolah.
- iii. Mengetahui gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah seperti autoritatif, autoritarian, permisif-responsif dan permisif-mengabaikan.
- iv. Mengetahui sikap yang diamalkan di kalangan pelajar sekolah.
- v. Mengetahui tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.
- vi. Mengetahui tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.
- vii. Mengetahui hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

### 1.4 Hipotesis

Hipotesis Nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

Hipotesis Nol 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap di kalangan pelajar sekolah dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga.

Hipotesis Nol 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

## 2.0 KAJIAN LEPAS

### 2.1 Teori Hierarki Keperluan Maslow Sebagai Model Kajian

Teori Hierarki Keperluan Maslow juga dipilih oleh penyelidik sebagai model kajian kerana ia mengambil kira konsep penghargaan sendiri. Menurut Azizi dan Jaafar Sidek (2006), penerimaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya adalah penting. Hal ini kerana setiap individu memerlukan penghargaan sendiri yang terdiri daripada kejayaan dan keyakinan. Dalam konteks kajian ini, keyakinan diri akan mendorong individu tersebut untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan kejayaan cemerlang dalam akademik. Penghargaan sendiri yang sempurna mendorong anak-anak untuk berkelakuan baik yang seterusnya boleh mempengaruhi pembentukan personalitinya.

Teori Hierarki Keperluan Maslow juga dipilih oleh penyelidik sebagai model kajian kerana ia merangkumi keperluan mengetahui yang berkaitan dengan perasaan ingin tahu dan berhubung dengan keperluan mencari, menyusun serta menganalisis sesuatu maklumat. Menurut Mohd Sharani, Zainal dan Mohamad Ibrani (2003), menyatakan bahawa guru perlu

sentiasa mengajar pelajar dalam memberi ilmu pengetahuan dengan cara penemuan dan kajian bagi mengembangkan semua potensi yang ada pada diri remaja itu. Sehubungan itu, tahap motivasi pelajar akan sentiasa meningkat memandangkan proses pembelajaran yang dilaluinya adalah menarik kerana ia mengembangkan potensi pemikiran reflektif. Justeru, guru perlu menguasai prinsip pengajaran supaya proses pengajaran yang dilaksanakan itu berlaku dengan lancar dan ini memudahkan pelajar memahami perkara yang disampaikan.

## **2.2 Penggunaan Teori Hierarki Keperluan Maslow Sebagai Model Kajian**

Dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow, ia menjelaskan keperluan manusia yang melibatkan teori motivasi naluri dan pengurangan-dorongan berlaku dalam pola yang agak mekanikal yang bertujuan untuk kehidupan dan mengurangkan ketegangan (Saniah et al., 2000). Hal ini kerana tingkah laku adalah digerakkan oleh keinginan untuk perkembangan.

Azizi dan Jaafar Sidek (2006), menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi peneguhan serta-merta kepada pelajarinya apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Peneguhan ini boleh diberi dalam pelbagai bentuk seperti pujian, senyuman atau pun hadiah. Secara tidak langsung, ia dapat mempertingkatkan lagi aras motivasi serta prestasi pelajar-pelajarinya.

Pengaplikasian Teori Hierarki Keperluan Maslow menyebabkan model-model dimensi diterbitkan dalam usaha mengoperasi gaya mendidik anak. Schaefer (1959) dalam Azizi dan Jaafar Sidek (2006), melabelkan dimensi gaya mendidik anak sebagai mesra, dingin dan kawalan atau autonomi. Manakala Baumrind (1971) dalam Azizi dan Jaafar Sidek (2006) menerangkan lagi, pendekatan keibubapaan dalam mengawal dan menyokong disatukan dan membentuk tiga gaya mendidik anak iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif.

## **2.3 Hubungan Antara Motivasi Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar**

Menurut Abdul Rahman (1998), motivasi adalah dorongan untuk mengubah sikap mental manusia dan usaha yang dilakukan secara berterusan untuk membangkitkan kesedaran dalam diri seseorang agar dapat bergiat usaha untuk mencapai kejayaan. Selain itu, Kamaliah (2005), menyatakan terdapat dua jenis kategori motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi juga dikelaskan kepada beberapa aspek berdasarkan kepada sumbernya (Weiner, 1990).

Saadiah (2003) dalam kajiannya pula, mendapati terdapat hubungan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Tahun Akhir Kursus Kejuruteraan Mekanikal 2001/2002, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Walaupun hubungannya adalah rendah, tetapi signifikan pada aras 0.05. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik seperti faktor keluarga, pensyarah, rakan sebaya, media massa dan kemudahan awam memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik di kalangan pelajar. Lantaran itu, dorongan luaran sedemikian menyebabkan beberapa tingkah laku dilaksanakan bagi mendapatkan gred yang baik dalam peperiksaan.

Di samping itu juga, Nooraini (2002), mendapati minat dan motivasi mempengaruhi hala tuju dan kejayaan seseorang. Hal ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Michelle (2003), menunjukkan bahawa pencapaian di sekolah mempengaruhi motivasi untuk berjaya

dalam akademik. Dengan kata lain, pencapaian akademik yang diperoleh oleh pelajar akan menghasilkan motivasi pembelajaran yang maksimum untuk membolehkannya mencapai prestasi yang lebih baik.

#### **2.4 Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar**

Menurut Kamaliah (2005), kemahiran keibubapaan adalah wajar dilaksanakan dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Hal ini kerana kajian beliau terhadap 72 pelajar yang dipilih secara rawak di tiga buah sekolah menengah di Johor Bahru menunjukkan sekiranya ibu bapa tidak mempunyai kemahiran asas dalam mendidik, terdapat risiko bahawa anak-anak mereka akan terjebak dalam masalah ponteng, penglibatan dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol daripada peringkat yang mengakibatkan kemerosotan pencapaian akademik.

Rozumah et al. (1999), berpendapat bahawa pengaruh ibu bapa terhadap pembelajaran dapat memberikan dorongan kepada pelajar supaya lebih berminat untuk mempelajari setiap mata pelajaran yang diambil dengan lebih tekun. Sehubungan itu, hasil kajian Nooraini (2002), terhadap 120 pelajar sekolah menengah mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif pada tahap sederhana dan tinggi, di mana gaya sedemikian merupakan gaya yang paling seimbang dalam pendidikan terhadap anak-anak. Secara tidak langsung, prestasi akademik anak-anak mereka adalah pada tahap yang memuaskan. Selain itu, analisis kajian beliau juga mendapati kebanyakan responden menerima didikan gaya autoritarian pada tahap rendah dan sederhana. Walau bagaimanapun, pencapaian akademik mereka adalah rendah berbanding pelajar yang dididik dengan cara autoritatif.

Walaupun bagaimanapun, kajian Eu (2002), menyatakan sebanyak 96.7 peratus ibu bapa yang berjawatan kategori profesional, eksekutif dan pekerja mahir meluangkan masa untuk anak-anak berbanding dengan 87.5 peratus ibu bapa yang bekerja dalam kategori pekerja separuh mahir dan tidak mahir. Analisis kajian tersebut menunjukkan bahawa ibu bapa yang berjawatan tinggi mengamalkan gaya keibubapaan yang bersifat demokratik atau autoritatif. Hal ini menyebabkan anak yang dididik dengan gaya sedemikian mempunyai kurang masalah tingkah laku dan lebih berjaya dalam pencapaian akademik. Walaupun bagaimanapun, Noraini (1999), menyatakan bahawa sikap ibu bapa yang bertanggungjawab dalam menyediakan segala keperluan anak-anak tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik anak-anak.

#### **2.5 Hubungan Antara Sikap Dengan Pencapaian Akademik Pelajar**

Menurut kajian Ahmad Zaidee (2002), sikap merupakan sesuatu yang dimiliki, iaitu satu atribut atau sifat dalaman (batiniah) yang ada pada diri seseorang dan kewujudan sesuatu sifat itu dapat diketahui dan dapat dilihat serta dilabel oleh orang lain seperti baik hati, tekun, bengis, pendiam, pelawak dan sebagainya. Sehubungan itu, Nor'ain (1999) mengaitkan tingkah laku sebagai sikap. Beliau juga menyatakan masalah tingkah laku berkait rapat dengan keperibadian seseorang individu itu.

Kajian Mahazi (2001), juga menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah disiplin pemaparan tingkah laku perhubungan guru dengan pelajar. Hal ini berlaku disebabkan oleh ketidaksempurnaan sahsiah dan sikap yang terdapat dalam diri seseorang remaja itu. Dapatan kajian di beberapa buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan terdapat empat kes mengancam guru, 20 kes menghina guru dan 130 kes degil terhadap guru.

Nor'ain (1999), dalam kajiannya turut menerangkan bahawa sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran akan berkeupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku dan sahsiah seseorang pelajar. Hal ini bermakna pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap pelajaran tidak akan terlibat dalam kancas masalah tingkah laku. Oleh yang demikian, pencapaian akademiknya akan berada pada tahap yang memberansangkan. Walau bagaimanapun, Hashim, Ishak dan Muhammad (2006), menyatakan bahawa individu yang bersikap kurang yakin pada diri sendiri berkemungkinan akan menghadapi masalah dalam pembelajaran

Menurut kajian Lee (2002), mendapati bahawa banyak tingkah laku manusia dipelajari daripada ibu bapa di peringkat umur yang paling muda, melalui proses sosialisasi iaitu proses pembentukan tingkah laku sosial manusia yang bersesuaian dengan budaya. Kajian yang dijalankan oleh beliau terhadap mahasiswa-mahasiswi Tahun Akhir di Fakulti Pendidikan, UTM menunjukkan tingkah laku prososial yang diamalkan adalah pada tahap tinggi iaitu 87.2 peratus. Hal ini merujuk kepada tingkah laku responden yang bertindak untuk menolong seseorang. Matlamat utama bagi tingkah laku prososial adalah untuk mengekalkan kebajikan dan integrasi, sama ada bersifat fizikal atau psikologi. Secara tidak langsung, tingkah laku yang positif mempengaruhi prestasi akademik pelajar.

### **3.0 METODOLOGI**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Ini adalah kerana kajian ini cuba melihat perspektif masa lampau dan ia dikaitkan dengan keadaan masa kini. Jenis penyelidikan ini adalah jenis tinjauan deskriptif. Menurut Azizi et al. (2006), tinjauan deskriptif bertujuan untuk mendapatkan ukuran atau gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mendapatkan maklumat mengenai motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan, sikap dan hubungkaitnya dengan pencapaian akademik pelajar di beberapa buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor.

Kajian ini melibatkan pengedaran borang soal selidik kerana kaedah ini adalah lebih mudah ditadbir oleh pihak sekolah dan data yang diperolehi senang untuk dianalisis. Di samping itu juga, kaedah seumpama ini adalah efisien untuk mengutip data dalam jumlah yang banyak pada kos yang rendah dalam tempoh masa yang singkat (Mohd Majid, 1993). Justeru, pengedaran borang soal selidik dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap persoalan-persoalan kajian serta maklumat yang diperlukan daripada responden iaitu maklumat yang berkaitan dengan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik, gaya keibubapaan, sikap dan taraf sosio ekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal serta pencapaian pelajar tingkatan empat berdasarkan keputusan peperiksaan PMR.

#### **3.2 Tempat Kajian**

Menurut Azizi et al. (2006), sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi atau sebaliknya. Oleh itu, kajian ini dilakukan di beberapa buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor.

#### **3.3 Populasi Kajian**

Populasi kajian melibatkan 1200 orang pelajar tingkatan empat daripada lapan buah sekolah menengah harian di daerah Kulai, Johor yang dipilih secara rawak.

### 3.4 Sampel Kajian

Pada amnya, penyelidik menggunakan sebarang subjek ataupun sampel yang ada bagi kebanyakan kajian atau penyelidikan yang dijalankan (Mohd Majid, 1993). Sampel kajian ini adalah berdasarkan kaedah pensampelan kelompok iaitu kluster atas kluster. Beberapa teknik dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat.

Krejcie dan Morgan (1970) dalam Azizi et al. (2006), telah menentukan bahawa jika saiz populasinya adalah 1200 orang, maka jumlah saiz sampelnya adalah 291. Oleh itu, sebanyak 320 soal selidik akan diedarkan bagi memastikan bahawa jumlah sampel yang diperlukan dalam kajian ini dipenuhi. Maka, sampel kajian ini dipilih daripada kalangan 320 pelajar tingkatan empat yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Untuk itu, 40 orang pelajar dari setiap sekolah telah dipilih berdasarkan pencapaian mereka dalam peperiksaan PMR untuk menjadi bahan kajian.

### 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan akan dikumpulkan melalui borang selidik. Hal ini kerana pengedaran soal selidik dapat menerangkan tujuan tinjauan deskriptif dengan jelas secara bercetak dan kesilapan hasil daripada merekodkan maklum balas adalah berkurangan (Azizi et al., 2006). Selain itu, soal selidik juga menjamin kerahsiaan dan menimbulkan respons yang lebih jujur.

Dalam kajian ini, soal selidik adalah berbentuk tertutup kerana mudah untuk dikendalikan dan Sistem Skala Likert dipilih untuk digunakan. Skala ini melibatkan lima jawapan iaitu 1 – 5, di mana skala 5 adalah nilai positif dan skala 1 adalah nilai negatif.

### 3.6 Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Mohd Majid (1993), kebolehpercayaan sesuatu alat kajian menjadi alat pengukur kepada dapatan atau hasil kajian. Oleh itu, sebanyak 20 set borang soal selidik yang mengandungi 68 item diedarkan kepada responden untuk dijawab dan penyelidik mengumpulnya sendiri sejeurus selepas responden selesai menjawab.

Setelah kajian rintis dibuat, penyelidik menilai skor pelajar-pelajar bagi item-item dalam soal selidik tersebut. Maka, nilai bagi kebolehpercayaan Alpha Cronbach digunakan untuk mengukur ketekalan dalaman soal selidik. Menurut Mohd Majid (1993), jika nilai Alpha Cronbach yang diperolehi mempunyai nilai  $\alpha$  0.8 atau lebih, maka nilai ini menunjukkan soal selidik mempunyai kesahan yang baik.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Jantina

**Jadual 1:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	110	37.8
Perempuan	181	62.2
<b>Jumlah</b>	<b>291</b>	<b>100.0</b>



Jadual 1 menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan responden mengikut jantina. Hasil daripada kajian mendapati bahawa frekuensi responden lelaki adalah seramai 110 orang (37.8 peratus) manakala frekuensi responden perempuan pula adalah seramai 181 (62.2 peratus). Ini menunjukkan bahawa responden perempuan merupakan golongan majoriti dalam kajian ini.

## 4.2 Persoalan Kajian

### 4.2.1 Apakah Faktor Yang Paling Dominan Dalam Motivasi Intrinsik Seperti Matlamat, Minat Dan Usaha Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 2:** Taburan Responden Mengikut Matlamat

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Saya menetapkan matlamat dan mempunyai tujuan dalam pembelajaran.	0.3	0.7	20.3	46.7	32.0	4.09	0.76
2	Saya ingin menyumbang tenaga dan idea kepada negara setelah cita-cita saya tercapai kelak.	1.4	6.2	23.7	38.8	29.9	3.90	0.95
3	Saya mempunyai matlamat untuk lulus cemerlang dalam peperiksaan SPM yang akan datang.	0.7	2.1	11.7	27.5	58.1	4.40	0.83
4	Saya ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) selepas tamat persekolahan.	1.4	3.1	18.6	23.4	53.6	4.25	0.95
5	Saya akan membantu keluarga apabila cita-cita saya tercapai kelak.	0.7	1.7	10.3	27.1	60.1	4.44	0.80

Min keseluruhan = 4.22

Sisihan Piawai = 0.61

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi intrinsik seperti matlamat di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 4.22 dan sisihan piawai 0.61. Ini menunjukkan bahawa tahap matlamat adalah tinggi di kalangan responden.

### 4.2.2 Apakah Faktor Yang Dominan Dalam Motivasi Intrinsik Seperti Minat Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 3:** Taburan Responden Mengikut Minat

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Saya suka membuat rujukan di perpustakaan selain menggunakan buku teks.	9.3	15.8	38.1	25.8	11.0	3.13	1.10
2	Saya membuat persediaan	2.4	4.8	25.4	45.4	22.0	3.80	0.92

	sebelum hadir ke sekolah.								
3	Saya mengulangkaji mata pelajaran yang diajar oleh guru pada setiap hari.	8.9	22.0	44.7	21.6	2.7	2.87	0.94	
4	Saya menumpukan sepenuh perhatian kepada guru saya sewaktu beliau mengajar.	0.3	7.6	44.0	35.4	12.7	3.53	0.82	
5	Saya segera membuat kerja rumah/latihan yang diberikan oleh guru pada hari yang sama.	3.8	13.1	40.5	32.6	10.0	3.32	0.95	
Min keseluruhan = 3.33							Sisihan Piawai = 0.63		

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi intrinsik seperti minat di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.33 dan sisihan piawai 0.63. Ini menunjukkan bahawa tahap motivasi intrinsik dari aspek minat di kalangan pelajar sekolah adalah sederhana.

#### 4.2.3 Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Yang Dominan Dalam Motivasi Intrinsik Seperti Usaha

**Jadual 4:** Taburan Responden Mengikut Usaha

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Saya lebih suka bertanya kepada guru daripada bertanya rakan-rakan sekiranya saya tidak memahami pelajaran saya.	4.5	20.6	38.1	25.8	11.0	3.18	<b>1.03</b>
2	Saya mengamalkan kemahiran-kemahiran belajar yang sewajarnya.	2.4	6.2	36.4	45.4	9.6	3.54	<b>0.84</b>
3	Saya akan menghadiri kelas pada setiap hari.	1.0	7.6	25.4	38.5	27.5	3.84	<b>0.95</b>
4	Saya selalu datang awal ke sekolah.	7.2	11.3	26.5	32.3	22.7	3.52	<b>1.17</b>
5	Saya mempunyai jadual waktu belajar yang teratur dan terancang.	10.3	31.6	30.6	21.3	6.2	2.81	1.08
Min keseluruhan = 3.38							Sisihan Piawai = 0.57	

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi intrinsik seperti usaha di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.38 dan sisihan piawai 0.57. Ini menunjukkan bahawa tahap usaha adalah sederhana di kalangan responden.

#### 4.2.4 Apakah Faktor Yang Paling Dominan Dalam Motivasi Intrinsik Di Kalangan Pelajar Sekolah?

Berdasarkan Jadual 5, faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik di kalangan pelajar sekolah adalah faktor matlamat yang mencatatkan nilai min 4.22. Ini diikuti pula

dengan faktor usaha dengan nilai min 3.38 dan faktor yang paling rendah adalah faktor minat dengan nilai min 3.33.

**Jadual 5:** Min Bagi Setiap Faktor Dalam Motivasi Intrinsik

Faktor Dalam Motivasi Intrinsik	Min
Matlamat	4.22
Usaha	3.38
Minat	3.33

#### 4.3 Persoalan Kajian

##### 4.3.1 Apakah Faktor Yang Dominan Dalam Motivasi Ekstrinsik Seperti Ganjaran Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 6:** Taburan Responden Mengikut Ganjaran

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Jika saya berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan oleh guru, saya akan mendapat ganjaran.	8.2	19.9	49.1	17.9	4.8	2.91	0.95
2	Saya diberikan galakan belajar dalam bentuk kebendaan iaitu hadiah oleh ibu bapa saya apabila berjaya dalam ujian/peperiksaan.	14.1	21.0	27.8	24.1	13.1	3.01	1.24
3	Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hadiah mata pelajaran terbaik yang diberikan oleh pihak sekolah.	5.8	22.3	28.2	26.1	17.5	3.27	1.16
4	Saya akan menghargai sebarang ganjaran yang diberikan oleh ibu bapa.	1.4	1.0	15.5	45.5	35.7	4.14	0.81
5	Guru akan melayan saya dengan lebih baik sekiranya saya mendapat keputusan baik dalam ujian/peperiksaan.	3.8	8.9	39.2	32.0	16.2	3.48	0.99

Min keseluruhan = 3.36

Sisihan Piawai = 0.60

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi ekstrinsik seperti ganjaran di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.36 dan sisihan piawai 0.60. Ini menunjukkan bahawa tahap ganjaran adalah sederhana di kalangan responden.

### 4.3.2 Apakah Faktor Yang Dominan Dalam Motivasi Ekstrinsik Seperti Pujian Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 7:** Taburan Responden Mengikut Pujian

Bil	Item	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
1	Saya sentiasa mengharapkan pujian daripada guru sewaktu pembelajaran.	7.6	20.6	35.1	26.5	10.3	3.11	1.09
2	Guru saya selalu memberikan pujian walaupun saya mempunyai potensi yang rendah dalam akademik.	8.2	16.8	46.4	22.3	6.2	3.01	0.99
3	Adik-beradik atau ahli keluarga yang lain sering memuji saya sekiranya keputusan saya dalam ujian/peperiksaan memuaskan.	5.5	15.1	30.6	36.1	12.7	3.35	1.06
4	Saya rasa bersemangat untuk belajar setelah saya diberikan pujian oleh guru di dalam kelas.	3.1	7.9	25.1	41.6	22.3	3.72	1.00
5	Saya sentiasa bersungguh-sungguh untuk berjaya walaupun pujian yang saya perolehi itu tidak ikhlas.	2.4	6.2	25.8	44.7	21.0	3.76	0.94
Min keseluruhan = 3.39							Sisihan Piawai = 0.56	

Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi ekstrinsik seperti pujian di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.39 dan sisihan piawai 0.56. Ini menunjukkan bahawa tahap pujian adalah sederhana di kalangan responden.

### 4.3.3 Apakah Faktor Yang Dominan Dalam Motivasi Ekstrinsik Seperti Gred Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 8:** Taburan Responden Mengikut Gred

Bil	Item	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
1	Keputusan dalam peperiksaan PMR yang lepas mendorong saya untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan SPM akan datang.	0.0	2.1	16.8	33.0	48.1	4.27	<b>0.81</b>
2	Penilaian sewajarnya yang diberikan oleh guru menyebabkan gred saya meningkat.	2.1	5.5	26.5	45.4	20.6	3.77	<b>0.91</b>
3	Saya berasa sedih apabila saya gagal dalam ujian/peperiksaan.	3.4	3.4	18.2	39.5	35.4	4.00	<b>0.99</b>
4	Walaupun saya mendapat gred rendah dalam ujian/peperiksaan,	1.4	5.2	24.4	38.1	30.9	3.92	<b>0.94</b>

5	saya tidak pernah berputus asa. Saya berjaya mendapatkan keputusan baik dalam ujian/peperiksaan.	0.7	9.6	45.4	35.4	8.9	3.42	0.81	
Min keseluruhan = 3.88						Sisihan Piawai = 0.53			

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor yang dominan dalam motivasi ekstrinsik seperti gred di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.88 dan sisihan piawai 0.53. Ini menunjukkan bahawa tahap gred adalah tinggi di kalangan responden.

#### 4.3.4 Apakah Faktor Yang Paling Dominan Dalam Motivasi Ekstrinsik Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 9:** Min Bagi Setiap Faktor Dalam Motivasi Ekstrinsik

Faktor Dalam Motivasi Ekstrinsik	Min
Gred	3.88
Pujian	3.39
Ganjaran	3.36

Berdasarkan Jadual 9, faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik di kalangan pelajar sekolah adalah faktor gred yang mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.88. Ini diikuti pula dengan faktor pujian dengan nilai min 3.39 dan faktor yang paling rendah adalah faktor ganjaran dengan nilai min 3.36.

#### 4.4 Persoalan Kajian

##### 4.4.1 Apakah Gaya Keibubapaan Dari Aspek Mengarah Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah?

**Jadual 10:** Taburan Responden Mengikut Aspek Mengarah

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan dari aspek mengarah yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.89 dan sisihan piawai 0.49. Ini menunjukkan bahawa tahap gaya keibubapaan dari aspek mengarah adalah tinggi.

Bil	Item	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
1	Sebagai seorang anak, saya seharusnya mengikut nasihat ibu bapa saya.	0.0	0.0	9.6	37.1	53.3	4.44	0.66
2	Apabila saya mendapat gred yang tinggi, ibu bapa saya lebih menghargai saya.	4.5	7.6	26.8	34.4	26.8	3.72	1.08
3	Saya seharusnya menerima idea yang diberikan oleh ibu bapa saya dengan sikap terbuka.	0.7	2.4	15.8	52.2	28.9	4.06	0.78
4	Apabila dimarahi oleh ibu bapa	3.4	10.0	26.5	40.9	19.2	3.63	1.01

	saya, mereka akan menjelaskan agar saya lebih memahaminya.								
5	Ibu bapa saya membenarkan saya melakukan aktiviti bersama mereka jika saya melakukan perkara yang mereka sukai.	4.5	8.2	30.6	41.9	14.8	3.54	0.99	
6	Ibu bapa saya berasa gembira apabila saya melakukan perkara yang mereka gemari.	1.4	3.1	19.6	45.7	30.2	4.00	0.87	
7	Ibu bapa saya mengenali rakan-rakan saya.	2.4	9.6	22.0	42.6	23.4	3.75	1.00	
8	Saya seharusnya bertolak ansur sekiranya berlaku perselisihan faham dengan ibu bapa saya.	2.4	3.8	28.5	41.6	23.7	3.80	0.92	
9	Apabila saya mendapat gred yang tinggi, ibu bapa saya membuat saya rasa begitu gembira.	3.4	2.1	16.2	37.1	41.2	4.11	0.98	
		Min keseluruhan = 3.89				Sisihan Piawai = 0.49			

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan dari aspek mengarah yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.89 dan sisihan piawai 0.49. Ini menunjukkan bahawa tahap gaya keibubapaan dari aspek mengarah adalah tinggi.

#### 4.4.2 Apakah Gaya Keibubapaan Dari Aspek Responsif Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah?

**Jadual 11:** Taburan Responden Mengikut Aspek Responsif

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Keluarga saya ada melakukan beberapa aktiviti bersama.	2.1	7.6	21.0	48.5	21.0	3.79	0.93
2	Ibu bapa saya sentiasa mendorong saya agar membuat yang terbaik dalam semua perkara.	0.7	3.4	8.9	39.2	47.8	4.30	0.82
3	Ibu bapa saya sentiasa menyuruh saya berfikir.	2.1	2.4	23.4	43.3	28.9	3.95	0.90
4	Apabila saya mendapat gred yang rendah, ibu bapa saya menggalakkan saya untuk mencuba lagi.	3.4	6.5	16.5	43.3	30.2	3.90	1.02
5	Ibu bapa saya membantu saya menyempurnakan kerja-kerja sekolah sekiranya saya tidak faham.	16.8	17.9	33.0	28.2	4.1	2.849	1.132
6	Jika ibu bapa saya menyuruh saya melakukan sesuatu, mereka akan menerangkan sebab.	4.1	7.6	28.9	47.8	11.7	3.55	0.94
7	Ibu bapa saya tidak membenarkan saya membuat rancangan sendiri bagi perkara yang saya ingin lakukan.	13.4	26.8	30.6	19.2	10.0	2.86	1.18
8	Ibu bapa saya meluangkan masa	5.8	9.6	27.5	38.5	18.6	3.54	1.08

	untuk berbual-bual dengan saya.									
9	Ibu bapa saya bersedia membantu saya sekiranya saya menghadapi masalah.	2.1	7.6	20.3	44.0	26.1	3.85	0.97		

Jadual 11 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan dari aspek responsif yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.62 dan sisihan piawai 0.56. Ini menunjukkan bahawa tahap gaya keibubapaan dari aspek responsif adalah tinggi.

#### 4.4.3 Apakah Gaya Keibubapaan Keseluruhan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah?

**Jadual 12:** Min Bagi Setiap Aspek Dalam Gaya Keibubapaan

Aspek Dalam Gaya Keibubapaan	Min
Mengarah	3.89
Responsif	3.62

Berdasarkan Jadual 12, gaya keibubapaan dari aspek mengarah mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.89. Begitu juga dengan gaya keibubapaan dari aspek responsif menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.62. Oleh itu, gaya keibubapaan keseluruhan yang diamalkan oleh ibu bapa responden adalah gaya keibubapaan autoritatif.

#### 4.5 Persoalan Kajian

##### 4.5.1 Apakah Sikap Yang Diamalkan Di Kalangan Pelajar Sekolah?

**Jadual 13:** Taburan Responden Mengikut Aspek Sikap

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)		
1	Saya boleh mengawal kemarahan semasa berlaku konflik di antara rakan.	2.1	9.6	41.2	34.0	13.1	3.46	0.91
2	Saya tidak berkelakuan biadab atau kasar terhadap guru/pengawas/ketua.	0.0	5.8	22.3	49.5	22.3	3.88	0.82
3	Saya berhati-hati dalam pertuturan supaya tidak menyinggung perasaan orang lain.	1.0	3.4	25.1	45.7	24.7	3.90	0.850
4	Saya tidak melawan apabila orang lain menyakiti, mengejek atau mengkritik saya.	8.9	19.6	45.4	19.9	6.2	2.95	1.00
5	Saya akan selalu memberi gerakbalas yang cepat dan spontan dalam setiap tindakan yang dilakukan.	0.0	4.1	53.3	36.4	6.2	3.45	0.67
6	Apabila memilih rakan sebaya, saya akan memilih rakan yang akan menolong saya apabila	4.1	6.2	18.2	36.4	35.1	3.92	1.07

	berada dalam kesusahan.							
7	Saya lebih gemar bercampur dengan rakan sebaya yang aktif serta dinamik.	1.7	4.8	25.8	38.5	29.2	3.89	0.94
8	Saya mudah panik apabila melakukan sesuatu kesilapan.	6.2	12.0	36.8	30.2	14.8	3.35	1.07
9	Saya amat menghormati guru-guru saya sebagaimana saya menghormati ibu bapa saya.	0.7	2.4	20.6	52.2	24.1	3.97	0.78
10	Saya ikhlas dan jujur setiap kali saya memberikan pertolongan kepada orang lain.	1.0	1.4	12.0	54.0	31.6	4.14	0.75
11	Saya berfikir secara rasional sebelum membuat sesuatu keputusan.	0.3	2.1	27.1	45.7	24.7	3.92	0.79
12	Saya mengucapkan terima kasih apabila menerima bantuan daripada orang lain.	0.0	0.3	5.8	41.9	51.9	4.45	0.62
Min keseluruhan = 3.77						Sisihan Piawai = 0.38		

Jadual 13 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi sikap yang diamalkan di kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, min yang diperolehi adalah 3.77 dan sisihan piawai 0.38. Ini menunjukkan bahawa tahap sikap yang diamalkan di kalangan responden adalah tinggi.

#### 4.6 Persoalan Kajian

##### 4.6.1 Apakah Tahap Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal?

**Jadual 14:** : Taburan Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal		Tahap Pencapaian Akademik			Jumlah Keseluruhan
		Lemah	Sederhana	Cemerlang	
Bandar	Frekuensi	9	58	161	228
	Peratusan	3.9 %	25.4 %	70.6 %	100.0 %
Luar Bandar	Frekuensi	1	24	38	63
	Peratusan	1.6 %	38.1 %	60.3 %	100.0 %
Jumlah Keseluruhan	Frekuensi	10	82	199	291
	Peratusan	3.4 %	28.2 %	68.4 %	100.0 %

Jadual 14 menunjukkan taburan peratusan responden bagi tahap pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR mengikut lokasi tempat tinggal seperti bandar dan luar bandar. Secara keseluruhannya, peratusan yang mewakili tahap pencapaian cemerlang bagi pelajar di



kawasan tempat tinggal bandar adalah lebih tinggi berbanding peratusan untuk tahap pencapaian cemerlang bagi pelajar di kawasan tempat tinggal luar bandar.

#### 4.7 Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah?

##### 4.7.1 Hipotesis Nol 1: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah

**Jadual 15:** Korelasi Antara Motivasi Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik

Motivasi Pembelajaran Keseluruhan	Pencapaian Akademik	
	Pekali Korelasi Pearson, r	0.042
Sig.(2-tailed), p	0.474	
Frekuensi, n	291	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 15, didapati nilai pekali korelasi, r bagi motivasi pembelajaran secara keseluruhan dengan pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR adalah 0.042. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.474$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

**Jadual 16:** Korelasi Antara Motivasi Intrinsik Dengan Pencapaian Akademik

Aspek Dalam Motivasi Pembelajaran	Pencapaian Akademik	
Motivasi Intrinsik	Pekali Korelasi Pearson, r	0.021
	Sig.(2-tailed), p	0.723
	Frekuensi, n	291

Berdasarkan Jadual 16, didapati nilai pekali korelasi, r bagi motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR adalah 0.021. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.723$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

**Jadual 17:** Korelasi Antara Motivasi Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik

Aspek Dalam Motivasi Pembelajaran	Pencapaian Akademik	
Motivasi Ekstrinsik	Pekali Korelasi Pearson, r	0.057
	Sig.(2-tailed), p	0.331
	Frekuensi, n	291

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 17, didapati nilai pekali korelasi, r bagi motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR adalah 0.057. Ini menunjukkan korelasi yang

sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.331$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

#### 4.7.2 Hipotesis Nol 2: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah

**Jadual 17:** Korelasi Antara Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Akademik

Gaya Keibubapaan	Pencapaian Akademik	
	Pekali Korelasi Pearson, r	0.025
Sig.(2-tailed), p	0.669	
Frekuensi, n	291	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 17, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR adalah bersamaan dengan 0.025. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.669$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga sekolah dengan pencapaian akademik pelajar.

#### 4.7.3 Hipotesis Nol 3: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Sikap Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah

**Jadual 18:** Korelasi Antara Sikap Dengan Pencapaian Akademik

Sikap Pelajar	Pencapaian Akademik	
	Pekali Korelasi Pearson, r	0.034
Sig.(2-tailed), p	0.565	
Frekuensi, n	291	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 18, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek sikap dengan pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR adalah 0.034. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.565$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

#### 4.8 Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga?

**4.8.1 Hipotesis Nol 4:** Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

**Jadual 19:** Korelasi Antara Motivasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

Motivasi Pembelajaran Keseluruhan	Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga
Pekali Korelasi Pearson, r	0.026
Sig.(2-tailed), p	0.662
Frekuensi, n	291

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 19, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek motivasi pembelajaran secara keseluruhan dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga adalah bersamaan dengan 0.026. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.662$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pembelajaran di kalangan pelajar sekolah dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga.

**Jadual 20:** Korelasi Antara Motivasi Intrinsik Di Kalangan Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

Aspek Dalam Motivasi Pembelajaran	Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga
Pekali Korelasi Pearson, r	- 0.005
Motivasi Intrinsik Sig.(2-tailed), p	0.931
Frekuensi, n	291

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 20, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek motivasi intrinsik dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga adalah bersamaan dengan - 0.005. Ini menunjukkan terdapat hubungan songsang yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.931$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik di kalangan pelajar sekolah dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga.

**4.8.2 Hipotesis Nol 5:** Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

**Jadual 21:** Korelasi Antara Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

Gaya Keibubapaan	Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga	
	Pekali Korelasi Pearson, r	
Sig.(2-tailed), p		0.229
Frekuensi, n		291

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 21, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek gaya keibubapaan dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga adalah bersamaan dengan 0.071. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.229$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga.

**4.8.3 Hipotesis Nol 6:** Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Sikap Di Kalangan Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

**Jadual 21:** Korelasi Antara Sikap Di Kalangan Pelajar Sekolah Dengan Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga

Sikap Pelajar	Taraf Sosio Ekonomi Iaitu Jumlah Pendapatan Keluarga	
	Pekali Korelasi Pearson, r	
Sig.(2-tailed), p		0.906
Frekuensi, n		291

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 21, didapati nilai pekali korelasi, r bagi aspek sikap dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga adalah bersamaan dengan  $- 0.007$ . Ini menunjukkan terdapat hubungan songsang yang sangat lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.906$  adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap di kalangan pelajar sekolah dengan taraf sosio ekonomi iaitu jumlah pendapatan keluarga.

#### 4.9 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Mengikut Lokasi Tempat Tinggal?

##### 4.9.1 Hipotesis Nol 7: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

**Jadual 22:** Taburan Min Dan Nilai Signifikan (ujian-t) Bagi Perbezaan Signifikan Antara Motivasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi, n	Min	df	t	Signifikan
Bandar	228	3.613	289	1.577	0.931
Luar Bandar	63	3.518	96.746	1.551	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 22, didapati nilai signifikan bagi aspek motivasi pembelajaran secara keseluruhan mengikut lokasi tempat tinggal adalah 0.931. Memandangkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pembelajaran di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

**Jadual 23:** Taburan Min Dan Nilai Signifikan (ujian-t) Bagi Perbezaan Signifikan Antara Motivasi Intrinsik Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi, n	Min	df	t	Signifikan
Bandar	228	3.662	289	1.347	0.772
Luar Bandar	63	3.568	96.621	1.324	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 23, didapati nilai signifikan bagi aspek motivasi intrinsik mengikut lokasi tempat tinggal adalah 0.772. Memandangkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi intrinsik di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

**Jadual 24:** Taburan Min Dan Nilai Signifikan (ujian-t) Bagi Perbezaan Signifikan Antara Motivasi Ekstrinsik Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi, n	Min	df	t	Signifikan
Bandar	228	3.565	289	1.524	0.633
Luar Bandar	63	3.468	100.320	1.539	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 24, didapati nilai signifikan bagi aspek motivasi ekstrinsik mengikut lokasi tempat tinggal adalah 0.633. Memandangkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak

terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

#### 4.9.2 Hipotesis Nol 8: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

**Jadual 25:** Taburan Min Dan Nilai Signifikan (ujian-t) Bagi Perbezaan Signifikan Antara Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi, n	Min	df	t	Signifikan
Bandar	228	3.771	289	0.972	0.058
Luar Bandar	63	3.705	120.406	1.100	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 25, didapati nilai signifikan bagi aspek gaya keibubapaan mengikut lokasi tempat tinggal adalah 0.058. Memandangkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

#### 4.9.3 Hipotesis Nol 9: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

**Jadual 26:** Taburan Min Dan Nilai Signifikan (ujian-t) Bagi Perbezaan Signifikan Antara Sikap Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Lokasi Tempat Tinggal	Frekuensi, n	Min	df	t	Signifikan
Bandar	228	3.789	289	1.351	0.700
Luar Bandar	63	3.717	103.216	1.392	

Aras signifikan  $\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 4.48, didapati nilai signifikan bagi aspek sikap mengikut lokasi tempat tinggal adalah 0.700. Memandangkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras signifikan  $\alpha = 0.05$ , maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.

## **5.0 PERBINCANGAN**

### **5.1 Faktor Yang Paling Dominan Dalam Motivasi Intrinsik Seperti Matlamat, Minat Dan Usaha Di Kalangan Pelajar Sekolah**

Secara umumnya, faktor matlamat mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu. Hal ini kerana motivasi intrinsik diwujudkan secara semula jadi daripada rangsangan dalaman (Azizi dan Jaafar Sidek, 2006). Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Murugayan (1999), yang menunjukkan bahawa faktor kemungkinan untuk berjaya adalah faktor dalaman yang meletakkan matlamat sebagai pendorong kepada prestasi akademik cemerlang di kalangan pelajar Akademi Tentera Malaysia (ATMA) di UTM, Skudai.

Hal ini amat bersesuaian dengan Teori Motivasi Pencapaian McClelland yang menyatakan bahawa motivasi merupakan satu set proses yang memberi tenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan matlamat menjuruskan tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat (Ainon, 2005). Rentetan daripada itu, seseorang yang bermotivasi akan membuat pilihan positif berdasarkan matlamat yang ditetapkan dan beliau yakin bahawa tindakan tersebut adalah bermakna kepadanya dan boleh memuaskan keperluannya.

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Newby (1991), yang menyatakan bahawa motivasi intrinsik adalah dorongan dalaman dan minat untuk melakukan sesuatu. Justeru, sekiranya seseorang itu mempunyai tahap motivasi yang tinggi, maka secara tidak langsung beliau akan berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Oleh itu, matlamat dapat membolehkan pelajar itu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang diimpikan. Secara tidak langsung, pelajar tersebut dapat membantu keluarga setelah cita-citanya tercapai kelak.

### **5.2 Faktor Yang Paling Dominan Dalam Motivasi Ekstrinsik Seperti Ganjaran, Pujian Dan Gred Di Kalangan Pelajar Sekolah**

Secara keseluruhannya, faktor gred mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu. Hal ini kerana Azizi dan Jaafar Sidek (2006), menyatakan bahawa motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan untuk menggerakkan individu supaya melakukan sesuatu aktiviti yang berfaedah. Dapatan kajian ini disokong oleh Siti Noorshahliza (2002), yang mendapati bahawa pemberian gred yang bersesuaian merupakan peneguhan yang positif. Secara tidak langsung, situasi tersebut membolehkan pelajar memberikan respon positif atau maklumbalas yang baik yang seterusnya akan diterima baik oleh pelajar dalam meningkatkan usaha untuk mencapai kecemerlangan di dalam akademik.

Hasil daripada kajian juga adalah menepati dapatan kajian yang dilakukan oleh Murugayan (1999), yang menunjukkan bahawa faktor penganugerahan dengan nilai min 3.95 adalah merupakan faktor pendorong luaran dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar Akademi Tentera Malaysia (ATMA) di UTM, Skudai. Hal yang sama juga berlaku kepada faktor pengiktirafan dengan nilai min 3.68. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor tersebut iaitu faktor pemberian gred mempengaruhi prestasi akademik cemerlang pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh Azizi dan Jaafar Sidek (2006), yang menekankan bahawa motivasi ekstrinsik dapat diperkukuhkan lagi dengan peneguhan atau stimulus. Ini bermakna peneguhan positif iaitu peristiwa yang menyebabkan kemajuan dalam pelajaran ataupun perubahan positif dapat menggalakkan minat pelajar untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan.

### **5.3 Gaya Keibubapaan Yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Pelajar Sekolah Seperti Autoritatif, Autoritarian, Permisif-Responsif Dan Permisif-Mengabaikan**

Hasil daripada kajian penyelidik menepati kajian Noraini (2002), yang menyatakan bahawa ibu bapa perlu mengambil pendekatan belaian dalam ketegasan dan berusaha mengelakkan diri daripada bertindak secara kekerasan. Oleh itu, gaya keibubapaan yang demokratik hendaklah ditekankan dalam didikan di rumah agar anak-anak dapat mengalami proses pembelajaran dengan lebih tenang kerana mereka merasakan bahawa setiap kejayaan yang diperolehi akan sentiasa dihargai (Mohamed Hatta, 2003).

Selain itu, kajian penyelidik menyokong kajian yang dilakukan oleh Azlina, Saniah dan Azizah (2001), ke atas pelajar di institut pengajian awam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 185 responden dalam kajian tersebut mempunyai jenis amalan keibubapaan yang bersifat autoritatif. Hal ini menunjukkan bahawa remaja yang meningkat ke alam dewasa memerlukan kebebasan, ingin merasai disayangi dan diambil oleh ibu bapa mereka. Akan tetapi, pada masa yang sama, mereka ingin ibu bapa mereka mempercayai mereka dengan memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dan membuat sesuatu perkara atau keputusan yang berkaitan diri mereka sendiri.

Di samping itu, kajian ini juga adalah bersamaan dengan dapatan kajian Yap (2000) dalam Eu (2002), yang menyatakan bahawa sebanyak 96.7 peratus ibu bapa yang berjawatan kategori profesional, eksekutif dan pekerja mahir meluangkan masa untuk anak-anak berbanding dengan 87.5 peratus ibu bapa yang bekerja dalam kategori pekerja separuh mahir dan tidak mahir. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa yang berjawatan tinggi mengamalkan gaya keibubapaan yang bersifat demokratik atau autoritatif. Hal ini menyebabkan anak yang dididik mempunyai kurang masalah tingkah laku dan lebih berjaya dalam pencapaian akademik.

### **5.4 Sikap Yang Diamalkan Di Kalangan Pelajar Sekolah**

Secara umumnya, sikap pelajar yang ditonjolkan adalah bersifat positif. Hal ini kerana pelajar akan mengucapkan terima kasih sebagai suatu penghargaan setelah menerima pertolongan daripada orang lain. Pernyataan ini disokong oleh Thum (2003) dan Cristie (2007), yang menyatakan bahawa sikap positif membawa kepada penampilan diri yang positif dan ia dilihat sebagai pengamalan nilai-nilai murni yang diadaptasikan dalam kehidupan seharian. Dapatan kajian penyelidik juga disokong oleh Hassim (1999), yang menyatakan bahawa sebanyak 80.1 peratus responden mengamalkan sub skala kemesraan dalam nilai-nilai murni. Ini bermakna pengamalan sikap yang positif seperti saling hormat-menghormati, ikhlas dan jujur merupakan suatu aspek yang penting dalam kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun, sikap negatif seperti melawan apabila orang lain menyakiti, mengejek atau mengkritik boleh membawa impak yang negatif terhadap pelajar itu sendiri. Hal ini akan mendorong pelajar berkenaan untuk melakukan tingkah laku yang bertentangan dengan disiplin sekolah. Ini adalah sejajar dengan dapatan kajian Nor'ain (1999), yang menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah disiplin pemaparan tingkah laku perhubungan guru dengan pelajar. Hal ini berlaku disebabkan oleh ketidaksempurnaan sahsiah dan sikap yang terdapat dalam diri sesoerang remaja itu.

Nor'ain (1999), turut menerangkan bahawa sikap negatif terhadap sesuatu mata pelajaran akan berkeupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku dan sahsiah seseorang pelajar. Hal ini bermakna pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap pelajaran akan terlibat dalam kancas masalah tingkah laku. Memandangkan bahawa sikap melawan apabila orang lain menyakiti, mengejek atau mengkritik menunjukkan min yang terendah, ini bermakna sikap tersebut kurang diamalkan oleh pelajar sekolah.



## 5.5 Tahap Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah

Hasil daripada kajian ini amat bersesuaian dengan teori yang dikemukakan oleh Vroom (1964), dalam Murugayan (1999), menyatakan bahawa tahap motivasi seseorang individu itu dipengaruhi oleh kemampuannya untuk melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Dapatan kajian penyelidik juga disokong oleh kajian Harian Hafian (2002), yang menunjukkan bahawa minat adalah pendorong yang amat berkesan dalam menggerakkan seseorang pelajar itu untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran yang dipelajarinya.

Hal ini kerana dapatan kajian Harian Hafian (2002), mendapati bahawa purata peratusan untuk faktor minat berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna pelajar yang mempunyai minat untuk belajar akan berasa seronok dan teruja untuk mempelajari sesuatu kerana mereka akan mendapat kepuasan daripada proses pembelajaran itu sendiri. Oleh itu, minat dan kecenderungan memainkan peranan penting untuk mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar (Abu Zahari, 1987). Selain itu, hasil daripada kajian juga menepati pandangan Ragbir (2005), yang menunjukkan bahawa minat dan kesungguhan merupakan faktor utama untuk kerjaya.

## 5.6 Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Sekolah Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Hasil dapatan kajian ini menyokong bahawa di sebuah FELDA yang melibatkan responden seramai 162 orang pada tahun 1998. Beliau mendapati 35.0 peratus responden tidak mendapat sokongan keluarga dan ini menjadi salah satu alasan mengapa mereka tidak bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran di sekolah. Ini bermakna pelajar di kawasan FELDA tidak mempunyai kesungguhan untuk belajar memandangkan bahawa kurangnya minat, fasiliti atau kemudahan yang disediakan dan faktor persekitaran yang tidak mendorong ke arah pembelajaran.

Dapatan kajian penyelidik adalah menepati pandangan Maznah (1994), yang menunjukkan bahawa pelajar yang tidak bermotivasi akan bersikap pesimis dan mempunyai perasaan takut serta tidak berkeyakinan untuk berjaya. Faktor-faktor sedemikian sering mengakibatkan pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar bersikap negatif yang seterusnya boleh menjadi suatu penghalang dalam mencapai sesuatu matlamat.

## REFERENCES

- Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak Jilid 1*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdul Rahman Aziz (1998). *Siri Motivasi Utusan: Motivasi Dan Pembangunan Diri*. (Cetakan Kedua). Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaidee Hj. Omar (2002). *Hubungkait Sahsiah Guru Teknikal Terhadap Pembelajaran Pelajar: Satu Tinjauan*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ainon Mohd (2005). *Panduan Menggunakan Teori Motivasi Di Tempat Kerja*. (Cetakan Ketiga). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Amla H. M. Salleh dan Puteh Mohamed (1992). *Asas-Asas Bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amy, Loh Siew Mei (2000). *Hubungan Antara Amalan Kekeluargaan Dengan Masalah Sosial Di Kalangan Pelajar Pusat Pengajian Sains Tulen USM, Pulau Pinang*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Atan Long, Prof. (1982). *Psikologi Pendidikan*. (Cetakan Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmi Shah Suratman (1996). *Kekeluargaan Dalam Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azlina Mohd. Kosnin, Saniah Sayuti dan Azizah Rajab, Dr. (2001). *Pengaruh Persepsi Terhadap Tingkah Laku Keibubapaan Terhadap Penghargaan Kendiri Pelajar Awal Dewasa*. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Cristie, Shia Jamahi (2007). *Pengaplikasian Nilai-Nilai Murni Di Dalam Amalan Sehari-hari Seorang Pelajar: Satu Tinjauan*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Esa Abdul Samad (2003). *Mengapakah Kita Tidak Bermotivasi?* Dewan Siswa. Mei, 39.
- Esa Abdul Samad (2003). *Kunci Kejayaan?* Dewan Siswa. Oktober, 39.
- Esa Abdul Samad (2003). *Bahayanya Apabila Selalu Berfikiran Negatif*. Dewan Siswa. November, 39.
- Eu, Kwee Guan (2002). *Tahap Motivasi Keluarga Dalam Konteks Pendidikan Formal Anak-Anak Mereka: Satu Tinjauan Di Kalangan Keluarga Bahagia Di Daerah Muar, Johor*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Fadilah Zaini dan Hamidah Ab. Rahman (2006). *Institusi Keluarga Dan Masalah Sosial Remaja Di Negeri Johor Darul Takzim*. Dalam Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006). *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga* (pp 13-31). Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Farrant, J. S. (1981). *Prinsip Dan Amali Pendidikan*. (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Habibah Elias (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harin Hafian Ramlan (2002). *Faktor-Faktor Yang Mempertingkatkan Motivasi Pembelajaran Teknologi Bagi Mencapai Kecemerlangan Terhadap Pelajar Vokasional Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Selangor Darul Ehsan*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hassim Hj. Othman (1999). *Sikap Pelajar Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) Terhadap Pengamalan Nilai Murni Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kamaliah Noordin (2005). *Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Lee, Ai Chia (2002). *Kajian Ke Atas Tingkahlaku Prosocial Di Kalangan Mahasiswa-Mahasiswi Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

- Mahazi Si Harun (2001). Hubungan Di Antara Masalah Tingkahlaku Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Marden, O. S. (2006). *Ambition And Success*. Selangor: Masterpiece Publications Sdn. Bhd.
- Maznah Hamid (1994). *Motivasi Memburu Kejayaan*. Kuala Lumpur: Maznah Motivational Centre.
- Michelle, Tong Chung Koon (2003). Hubungkait Antara Kecekapan Sosial Dan Motivasi Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohamed Hatta Shahrom, Prof. Dr. (2003). *Psikologi Dan Kaunseling Remaja: Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Mohd Ismail Mustari (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. (Cetakan Kedua).Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sharani Ahmad, Zainal Madon dan Mohamad Ibrani Shahrudin Adam Assim (2003). *Psikologi Pembangunan Manusia*. Universiti Putra Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Murugayan, Edward Pany (1999). Faktor Motivasi Yang Mempengaruhi Pelajar Akademi Tentera Malaysia (ATMA) Ke Arah Pencapaian Kecemerlangan Akademik. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mustafa Hj. Daud (1997). *Institusi Kekeluargaan Islam*. (Cetakan Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newby, T. J. (1991). Classroom Motivation: Strategies Of First-Year Teachers. *Journal Of Educational Psychology*. 83(2). 195 - 200.
- Nooraini Othman (2002). *Gaya Hidup Sebagai Ciri Personaliti, Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nor'ain Sujak (1999). Hubungan Masalah Tingkahlaku Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Noraini Ahmad (2002). *Siri Motivasi Dan Kecemerlangan Utusan: Kaunseling Kekeluargaan*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Muhammad (1999). *Pencapaian Pendidikan Islam Bagi Pelajar Yang Mundur Di Sekolah Dan Hubungannya Dengan Status Sosio Ekonomi Keluarga: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tingkatan 3 Di Sekolah Menengah Dr. Burhanuddin, Taiping, Perak*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Pokay, P. dan Blumenfeld, P. C. (1990). Predicting Achievement Early And Late In The Semester: The Role Of Motivation And Use Of Learning Strategies. *Journal Of Educational Psychology*. 82 (1), 41-50.
- Ragbir Kaur, Dr. (2005). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah Dan Menengah*. (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi Hj. Muhamed, Mazhan Baba dan Aidah Md. Tan (1999). *Institusi Keluarga Islam Di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Saadiah Mohamed (2003). Hubungan Motivasi Dalaman (Motivasi Intrinsik) Dan Peranan Motivasi Luaran (Motivasi Ekstrinsik) Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Akhir Kursus Kejuruteraan Mekanikal 2001/2002, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Saniah Sayuti, Yeo Kee Jiar, Ahmad Johari Sihes dan Azlina Mohd Kosnin (2000). Modul Pengajaran: Psikologi Pendidikan. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Noorshahliza Mokhtar (2002). Penekanan Guru Dalam Menjalankan Aktiviti Motivasi Di Dalam Kelas: Satu Tinjauan Terhadap Guru-Guru Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Melaka. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Thum, Lean Geok (2003). Prestasi Bahasa Melayu Pelajar Cina SJK (C) Kung Min Dan Hubungannya Dengan Sikap Dan Motivasi Ibu Bapa. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Weiner, B. (1990). History Of Motivational Research In Education. *Journal Of Educational Psychology*. 82(4), 616-622.